

29 JUL 1997

Semerak-Kamarudin

KAMARUDIN IKRAR BAWA KEMAKMURAN KEPADA RAKYAT SEMERAK

PASIR PUTEH, 29 Julai (Bernama) -- Ketua Umno Bahagian Pasir Putih Kamarudin Mohd Nor yang akan dicalonkan mewakili Barisan Nasional pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Semerak, berikrar untuk memastikan rakyat Semerak menikmati sepenuhnya limpahan pembangunan ekonomi dan sosial di Kelantan.

"Misi saya ialah membawa kemakmuran kepada rakyat Semerak hasil daripada limpahan pembangunan ekonomi dan sosial," katanya kepada pemberita selepas diumumkan sebagai bakal calon BN pada pilihan raya kecil itu, di Cherang Ruku dekat sini malam tadi.

Katanya, di Semerak terdapat dua projek besar iaitu projek pertanian Semerak/Kemasin dan projek lebuhraya pinggir pantai yang sedang dimajukan oleh kerajaan pusat.

Kamarudin, 50, ahli perniagaan berkata, limpahan ekonomi itu tidak akan dapat dirasai selagi rakyat Semerak tidak mahu membuat perubahan kepimpinan yang selama ini dikuasai oleh Pas.

"Saya berharap pengundi Semerak sama-sama berusaha untuk membuat perubahan kepimpinan dengan menyokong BN pada pilihan raya itu nanti," kata Kamarudin.

Katanya, walaupun tugas untuk membuat perubahan pembangunan di Semerak merupakan tugas berat tetapi dengan adanya sokongan kuat daripada rakyat di Semerak ia akan menjadi suatu kenyataan yang mudah.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kepercayaannya dan memilih beliau untuk dicalonkan mewakili BN pada pilihan raya kecil itu.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 31 Julai sebagai tarikh penamaan calon dan 11 Ogos sebagai hari pengundian bagi pilihan raya kecil itu yang akan diadakan ekoran kematian wakil rakyatnya Sulaiman Ahmad pada 6 Julai lepas. -- BERNAMA

BD NMO